

17 FEB 2000

MAS-KARGO

MAS YAKIN DENGAN PERNIAGAAN KARGO

SERI KEMBANGAN, 17 Feb (Bernama) -- Malaysia Airlines yakin dengan perniagaan kargonya yang kini kian pesat berkembang sejak syarikat penerbangan itu memindahkan operasi kargo ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang baru.

"Kami begitu positif yang aktiviti kargo akan meningkat dengan menggalakkan memandangkan beberapa pengeluar telah menyuarakan rancangan mereka untuk mengandakan eksport mereka," kata pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli kepada pemberita selepas perasmian persidangan Fret Udara Asia 2000 di sini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata operasi kargo MAS pada masa ini mengendalikan kira-kira 400,000 tonne kargo setahun berbanding dengan 230,000 hingga 240,000 tonne ketika dikendalikan di Lapangan Terbang Subang sebelum ini.

MAS Cargo mempunyai kapasiti mengendalikan sehingga 650,000 tonne kargo di Lapangan Terbang KLIA yang mula beroperasi pada bulan Jun 1998.

Tajudin berkata lebih banyak pengeluar mahu barangan mereka yang bernilai tinggi dipindahkan dengan cepat dan MAS telah melakukan tanggungjawabnya menerusi pelaburan.

Beliau berkata MAS telah melabur RM640 juta untuk operasi kargonya, yang antaranya termasuklah sistem Pusat Kargo Canggih bagi menyokong perluasan perkhidmatan fret udara syarikat penerbangan berkenaan.

Bagaimanapun, beberapa pengendali kecil-kecilan seperti pengendali trak dan perkhidmatan tidak banyak menyokong dan membantu sepenuhnya industri fret udara, tambah beliau.

Oleh yang demikian terdapat percanggahan di dalam jumlah rangkaian logistik, kata beliau sambil menambah isu ini patut diselesaikan.

Adalah penting untuk menyelesaikan perkara ini memandangkan KLIA kini semakin popular sebagai tempat pertukaran untuk perkhidmatan fret udara.

"Kita patut menyelesaikannya dengan seberapa segera kerana lapangan terbang lain mungkin akan jadi lebih cekap lagi dan kita akan kehilangan perniagaan," kata beliau. -- BERNAMA

AD AA OS